

## KENYATAAN TAWARAN TENDER

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) mempelawa syarikat yang berdaftar di Malaysia untuk menyertai tender berikut:

### Maklumat Tawaran Tender

RUJ. TENDER	TAJUK TENDER	KELAYAKAN TENDER	BUTIR-BUTIR TAKLIMAT	HARGA DOKUMEN	TARIKH & WAKTU TUTUP
KWAP/ 01/124/26/07	Cadangan untuk perancangan, pengurusan, pengendalian, produksi dan kerja-kerja kreatif serta publisiti bagi acara Karnival, Riadah & Anugerah MyPesara 2026 secara menyeluruh.	<ol style="list-style-type: none"> <li>Syarikat yang berminat diwajibkan hadir ke sesi taklimat yang ditetapkan;</li> <li>Keupayaan merancang, mengurus dan mengendalikan acara dengan jumlah kehadiran 10,000 pengunjung atau lebih;</li> <li>Syarikat yang berdaftar dan telah berada dalam industri selama lebih 5 tahun;</li> <li>Mempunyai pengalaman yang mencukupi sebagai kontraktor utama melaksanakan/menyiapkan projek seumpama dengan skop kerja yang ditender mengikut durasi projek yang telah ditetapkan;</li> <li>Keupayaan untuk menyediakan perkhidmatan secara menyeluruh (<i>end-to-end service</i>) dan sokongan yang berkaitan;</li> <li>Memiliki keupayaan teknikal dan kewangan; dan</li> <li>Mempunyai modal berbayar sebanyak RM200,000 dan ke atas.</li> </ol>	<p>22 Mei 2026 (Jumaat) pada 10.30 pagi</p> <p>Maklumat taklimat akan diberikan selepas mendaftar melalui pautan:</p> <p><u><a href="#">Tender briefing Registration: Event Planning for KWAP Karnival MyPesara 2026 – Fill out form</a></u></p> <p>atau imbas pautan di QR:</p> 	RM500.00 satu salinan	15 Jun 2026 (Isnin) sebelum 4.00 petang

### Tarikh dan Masa Jualan

22 Mei 2026 hingga 3 Jun 2026  
Isnin hingga Jumaat  
(Kecuali Cuti Umum)

8.30 pagi hingga 4.30 petang  
(Waktu Pejabat Sahaja)

- i. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil penjual yang diberi kuasa oleh syarikat. Vendor dikehendaki mengemukakan salinan sijil pendaftaran syarikat, profil syarikat dan dokumen-dokumen berkaitan dengan kriteria di atas semasa berurusan membeli Dokumen Tender melalui emel [ams.procurement@kwap.gov.my](mailto:ams.procurement@kwap.gov.my).
- ii. Bayaran hendaklah dibuat atas nama **KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)** dan bayaran bagi Dokumen Tender tidak akan dikembalikan.
- iii. Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran atau tawaran terendah.
- iv. Dokumen Tender yang lengkap hendaklah dihantar mengikut tarikh dan tempat sebagaimana tertera di atas. **TAWARAN YANG LEWAT DITERIMA TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**
- v. Kenyataan Tawaran Tender ini juga dipapar di laman web kami di <https://www.kwap.gov.my/corporate/notice-of-tender/>.